

**KAEDAH DAN TEKNIK PENGAJARAN MUZIK  
ANGKLUNG DI SEKOLAH KEBANGSAAN  
BUKIT JELUTONG, SHAH ALAM**

207318

|                        |            |
|------------------------|------------|
| PERPUSTAKAAN UPSI      |            |
| Nombor Perolehan ..... | 78672      |
| Tarikh Perolehan ..... | 31/12/12   |
| Punca .....            | Rumbaras   |
| Harga .....            | Rm. 200.00 |
| Bilangan Naskah .....  | 1          |
| Nombor Panggilan ..... |            |

**RAJA SULAIMAN B. RAJA KAMIL**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2011**

**KAEDAH DAN TEKNIK PENGAJARAN MUZIK  
ANGKLUNG DI SEKOLAH KEBANGSAAN  
BUKIT JELUTONG, SHAH ALAM**

**RAJA SULAIMAN BIN RAJA KAMIL**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2011**

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali nulikan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

3 Januari 2011

RAJA SULAIMAN BIN RAJA KAMIL  
M20061000174



## PENGHARGAAN

*Bismillah-hir-roh-man-nir-roh-him.*

Assalamualaikum Wmt Wbt.

dan salam hormat.

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat saya menyiapkan kajian ini sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Pensyarah Penyelia saya iaitu Encik Mohd Azam Bin Sulong di atas bimbingan dan tunjuk ajarnya sepanjang saya menyiapkan tugas ini.

Sekalung terima kasih dan penghargaan saya ucapkan kepada Guru Besar SK. Bukit Jelutong Shah Alam yang telah memberikan kebenaran untuk saya menjalankan kajian di sana. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada jurulatih angklung sekolah tersebut yang telah sudi membantu menyiapkan kajian saya.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam menjayakan setiap tugas. Jasa kalian tidak dapat ku lupakan. Jutaan terima kasih teristimewa dari saya untuk isteri dan anak-anak yang memahami tugas saya sebagai seorang pelajar dan banyak memberikan dorongan, nasihat serta semangat kepada saya sepanjang sesi pembelajaran di oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Akhir kata semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua terutamanya mereka yang terlibat dalam bidang Pendidikan Muzik.

Sekian , terima kasih.

## Abstrak

Kajian ini memberi tumpuan yang khusus terhadap kaedah dan teknik pengajaran oleh jurulatih dalam muzik angklung serta kesesuaian muzik ini dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang tertumpu kepada kaedah kajian kes sebagai teras utama. Responden-responden yang dipilih adalah murid-murid dari Sekolah Kebangsaan Bukit Jelutong Shah Alam. Bagi mendapat data, kajian ini menggunakan kaedah analisa dokumen temubual dan pemerhatian. Bagi mendapatkan data kajian ialah melalui temuramah dengan menggunakan soalan-soalan terbuka sewaktu sesi temuramah dengan jurulatih angklung. Selain itu, kaedah pemerhatian kendiri juga dijalankan bagi kajian ini. Dapatan kajian adalah merangkumi aspek-aspek persembahan, peralatan, repertoire, fungsi, analisis kaedah dan teknik pengajaran oleh jurulatih serta kesesuaian muzik angklung dalam aktiviti kokurikulum di sekolah rendah. Hasil Kajian ini mendapati bahawa secara umumnya kaedah dan teknik pengajaran jurulatih adalah sesuai sebagai aktiviti kokurikulum pendidikan muzik bagi sekolah-sekolah rendah di Malaysia.

## Abstract

This research emphasizes a specific focus on the methods and the techniques of teaching angklung by a coach. This research also summarized the methods and techniques of teaching angklung by the coach to used as a useful guide and information to whoever is concerned especially music teachers in school. This research used qualitative approach and focus mainly on a case study. Samples are chosen from the student concerned. In order get the data, this research used interviewing and observation method with open ended questions. Research findings encompasses on the performance, instrument used, repertoires, functions, analyses methods, the coach's methods of teaching and also the role of angklung activities in the school co-curriculum. This research found that the coach used groups and individual teaching as well as class teaching. The technique used included lecturing, drills, demonstrations, memorizing and questions and answers session. This research also found the finds that angklung music is suitable to be included as a co-curriculum activities in school.



## Abstract

This research emphasizes a specific focus on the methods and the techniques of teaching angklung by a coach. This research also summarized the methods and techniques of teaching angklung by the coach to used as a useful guide and information to whoever is concerned especially music teachers in school. This research used qualitative approach and focus mainly on a case study. Samples are chosen from the student concerned. In order get the data, this research used interviewing and observation method with open ended questions. Research findings encompasses on the performance, instrument used, repertoires, functions, analyses methods, the coach's methods of teaching and also the role of angklung activities in the school co-curriculum. This research found that the coach used groups and individual teaching as well as class teaching. The technique used included lecturing, drills, demonstrations, memorizing and questions and answers session. This research also found the finds that angklung music is suitable to be included as a co-curriculum activities in school.



## KANDUNGAN

Halaman

PENGAKUAN

i

PENGHARGAAN

ii

ABSTRAK

iii-iv

SENARAI KANDUNGAN

v-vi

SENARAI JADUAL

vii

SENARAI RAJAH

viii

### **BAB I PENDAHULUAN**

**MS**

|     |                        |    |
|-----|------------------------|----|
| 1.0 | Pengenalan             | 01 |
| 1.1 | Latar Belakang Masalah | 01 |
| 1.2 | Pernyataan Masalah     | 02 |
| 1.3 | Objektif Kajian        | 03 |
| 1.4 | Persoalan Kajian       | 04 |
| 1.5 | Kepentingan Kajian     | 04 |
| 1.6 | Batasan Kajian         | 05 |
| 1.7 | Definisi Istilah       | 05 |
| 1.8 | Kesimpulan             | 07 |

### **BAB II TINJAUAN LITERATUR**

**MS**

|      |  |    |
|------|--|----|
| 2.0  | Pendahuluan  | 08 |
| 2.1  | Pengenalan Angklung  | 08 |
| 2.2  | Sejarah Angklung   | 10 |
| 2.3  | Konsep Pengajaran  | 11 |
| 2.4  | Kaedah Pengajaran  | 14 |
| 2.5  | Kaedah-Kaedah Pengajaran                                     | 17 |
| 2.6  | Teknik Pengajaran  | 18 |
| 2.7  | Pemilihan Kedah Dan Teknik Dalam Proses Pengajaran           | 20 |
| 2.8  | Teknik-Teknik Pengajaran                                     | 21 |
| 2.9  | Gaya Pengajaran  | 22 |
| 2.10 | Perkaitan Kedah Dan Teknik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran | 23 |
| 2.11 | Kerangka Teori   | 25 |

|      |            |    |
|------|------------|----|
| 2.12 | Kesimpulan | 26 |
|------|------------|----|

|                    |  |              |
|--------------------|--|--------------|
| <b>BAB III</b>     | <b>METODOLOGI / KAEADAH KAJIAN</b>                                     | <b>MS</b>    |
| 3.0                | Pengenalan   | 27           |
| 3.1                | Reka Bentuk Kajian   | 27           |
| 3.2                | Kerangka Tindakan Kajian   | 28           |
| 3.3                | Penentuan Responden  | 29           |
| 3.4                | Kaedah Mendapatkan Data  | 29           |
| 3.5                | Pengumpulan Data   | 30           |
| 3.6                | Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data                                      | 32           |
| 3.8                | Kesimpulan   | 33           |
| <b>BAB IV</b>      | <b>ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN</b>                                      | <b>MS</b>    |
| 4.0                | Pendahuluan  | 34           |
| 4.1                | Muzik Angklung   | 34           |
| 4.2                | Analisis Kaedah Dan Teknik Pengajaran                                  | 38           |
| 4.3                | Kesimpulan analisis Kaedah Dan Teknik Melalui temubual Dan Pemerhatian | 49           |
| 4.4                | Analisis Kesesuaian Muzik angklung Di Sekolah                          | 49           |
| 4.5                | Penutup  | 52           |
| <b>BAB V</b>       | <b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>  | <b>MS</b>    |
| 5.0                | Pengenalan   | 53           |
| 5.1                | Rumusan  | 53           |
| 5.2                | Cadangan   | 57           |
| 5.3                | Kesimpulan   | 58           |
| <b>BIBLIOGRAFI</b> |  | <b>59-60</b> |

## SENARAI JADUAL

| Rajah   | Muka Surat |
|---|------------|
| 2.1 Perhubungan Aras Kemahiran Objektif Pengajaran dengan Teknik Mengajar             | 20         |
| 3.1 Kerangka Kajian Tindakan  | 28         |
| 3.2 Matrik Pengumpulan Data   | 31         |
| 4.1 Kesimpulan Analisis Kaedah dan Teknik Pengajaran Melalui Temubual dan Pemerhatian | 49         |

**SENARAI RAJAH****Rajah****Muka Surat**

|     |                        |    |
|-----|------------------------|----|
| 2.2 | Kerangka Teori         | 25 |
| 3.2 | Gambarajah Triangulasi | 33 |

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan mengenai latar belakang kajian, kenyataan masalah, signifikan kajian, tujuan kajian, objektif kajian am dan spesifik, persoalan kajian dan definisi operasi.

#### 1.1 Latar Belakang Masalah

Kajian ini akan menumpukan kaedah dan teknik pengajaran muzik angklung yang akan dijalankan oleh seorang jurulatih di sebuah sekolah rendah di Shah Alam. Ini selaras dengan kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang memberikan penekanan kepada aktiviti permainan alat muzik. Ini dapat dilihat dalam Buku Panduan Rancangan Pelajaran Tahunan Pendidikan Muzik KBSR yang berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik KBSR Tahun 3, 2005 Perkara 2 Kemahiran, bahagian B: Permainan Alat Muzik di bawah tajuk teknik perkusi iaitu cara mengendalikan alat perkusi seperti loceng, kastenet, kayu tik-tok, kerincing, tamborin, simbal, rekoder, *tone block*, *cow bell*, dram getar, dram tenor dan dram bes.

Hal ini menunjukkan adanya keperluan murid-murid menjalankan aktiviti yang melibatkan kemahiran seperti bermain alat muzik secara solo mahu pun secara berkumpulan.

Kaedah dan teknik pengajaran juga amat penting dilihat dari sudut pendidikan muzik di sekolah rendah. Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar, Bahagian Pendidikan Guru (2000) dalam perkara 6.2.4 menyatakan pencapaian objektif-objektif pelaksanaan kurikulum muzik dipengaruhi oleh faktor-faktor : (i) opsyen guru dalam Pendidikan Muzik, (ii) pengetahuan dan kemahiran asas muzik seseorang guru, (iii) pengalaman guru, (iv) minat murid terhadap muzik, (v) kaedah pengajaran muzik, (vi) kesediaan instrumen yang boleh dan sesuai digunakan dalam pengajaran muzik, dan (vii) keutamaan kepada Pendidikan Muzik oleh pihak pengurusan sekolah. Di samping itu juga, kejayaan sesebuah sekolah patut dikaji dan dijadikan contoh bagi sekolah-sekolah yang ingin menjalankan aktiviti-aktiviti muzik samada dalam bilik darjah mahu pun di luar bilik darjah.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Menyingkap kembali sejarah pendidikan di Malaysia kita akan mendapati bahawa Pendidikan Muzik secara formalnya telah diperkenalkan mulai tahun 1983 apabila Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan. Menurut Johami Abdullah (1993) Mata pelajaran ini telah diwajibkan untuk semua pelajar sekolah rendah setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1979 dan setelah program Pendidikan Muzik itu diuji keberkesanannya pada tahun 1982.

Namun begitu, Pendidikan Muzik di sekolah rendah ini hanya menumpukan perkembangan terhadap penyuburan diri melalui aktiviti nyanyian, gerakan dan

permainan alat muzik sahaja. Muzik setempat kurang mendapat tempat dalam kurikulum yang telah digubal ini.

Justeru itu, kajian ini akan cuba mengkaji sejenis muzik setempat iaitu permainan muzik angklung yang telah dijadikan sebagai salah satu aktiviti kurikulum di Sekolah Kebangsaan Bukit Jelutong Shah Alam. Ini didapati bahawa muzik angklung di sekolah ini telah menunjukkan kejayaan di dalam persembahan jemputan yang di telah dilaksanakan di sekitar Shah Alam, kolaborasi dengan Jabatan Kesenian dan Warisan, dan juga Malaysia Philharmonic Orchestra. Kajian ini akan hanya menumpukan kepada kaedah dan teknik melalui pengajaran muzik angklung yang akan dijalankan oleh seorang jurulatih muzik angklung terhadap murid-murid di Sekolah Kebangsaan Bukit Jelutong Shah Alam.

Di samping itu, kajian ini juga akan melihat apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan muzik angklung sebagai salah satu aktiviti kokurikulum di sekolah tersebut.

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan-kepentingan berikut :

- i. Mengkaji bagaimanakah kaedah dijalankan oleh jurulatih dalam pengajaran muzik angklung di sekolah tersebut.
- ii. Mengkaji bagaimanakah teknik dijalankan oleh jurulatih dalam pengajaran muzik angklung di sekolah tersebut.
- iii. Mengkaji apakah muzik angklung ini sesuai dijadikan sebagai salah satu aktiviti kokurikulum di sekolah rendah.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan tentang perkara-perkara berikut :

- i. Bagaimanakah kaedah yang dijalankan oleh jurulatih dalam pengajaran muzik angklung di sekolah tersebut.
- ii. Bagaimanakah teknik yang dijalankan oleh jurulatih dalam pengajaran muzik angklung di sekolah tersebut.
- iii. Adakah muzik angklung ini sesuai digunakan dalam aktiviti kurikulum di sekolah rendah.

#### 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi tuntutan beberapa kepentingan tertentu. Adalah diharapkan dapatan kajian ini akan memenuhi kepentingan-kepentingan di antaranya :

- i. Merumuskan tentang kaedah dan teknik yang digunakan oleh jurulatih sebagai maklumat dan panduan yang dapat membantu pihak-pihak berkenaan seperti guru-guru sekolah rendah, Pusat perkembangan Kurikulum dan pihak-pihak yang berkaitan yang ingin melaksanakan pengajaran muzik setempat dalam sebarang aktiviti di tempat mereka bagi tujuan pendidikan.
- ii. Sebagai penambahbaikan dalam kurikulum pendidikan muzik KBSR di sekolah rendah dengan melihat kesesuaian kaedah dan teknik pengajaran yang dijalankan oleh jurulatih muzik bagi pengajaran muzik berbentuk ensembel di sekolah-sekolah.

- iii. Sebagai pendedahan kepada guru-guru muzik di sekolah-sekolah yang menjalankan aktiviti muzik terhadap aplikasi proses pengajaran muzik angklung di sekolah sendiri.

## 1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di Sekolah Kebangsaan Bukit Jelutong Shah Alam ke atas seorang jurulatih muzik angklung. Oleh itu hasil kajian ini tidak sesuai digeneralisasikan terhadap sekolah-sekolah rendah yang lain di seluruh Malaysia kerana mungkin akan berbeza dari segi kekuatan dan kekurangan sumber serta kepakaran jurulatih sesuatu bidang muzik tersebut.

## 1.7 Definisi Istilah

Di dalam kajian ini terdapat penggunaan beberapa istilah penting yang memerlukan kepada penjelasan terhadap definisinya. Antaranya ialah kaedah, teknik, pengajaran, muzik angklung dan jurulatih.

### 1.7.1 Kaedah

Menurut Ee Ah Meng (2003), kaedah pengajaran sebenarnya ialah cara guru mengelolakan serta menggunakan teknik-teknik pengajaran, isi kandungan, alat pengajaran supaya objektif-objektif sesuatu pengajaran itu tercapai. Dalam erti kata lain, kaedah mengajar ialah cara mendekati sesuatu objektif pelajaran dengan langkah-langkah penyampaian yang tersusun.

### 1.7.2 Teknik

Teknik pula merujuk kepada unit-unit kecil yang terkandung di dalam sesuatu kaedah. Teknik merangkumi aktiviti, perlakuan dan kemahiran guru yang digunakan dalam pengajaran. Teknik ialah cara menjalankan pelbagai langkah dalam pengajaran. Contohnya dalam kaedah bercerita, pelbagai teknik digunakan untuk menjadikan cerita itu bermakna. (Ee Ah Meng, 1997).

### 1.7.3 Pengajaran

Menurut Ee Ah Meng (1997), menyatakan bahawa pengajaran boleh difahamkan sebagai proses penyampaian kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap dan nilai-nilai. Ia akan menyebabkan perubahan tingkah laku seseorang pelajar.

### 1.7.4 Muzik

Menurut Johami Abdullah (1993), muzik diakui sebagai satu seni dan juga sains yang menggabungkan bunyi-bunyi vokal atau instrumental termasuk bunyi-bunyi semula jadi atau rekaan dengan satu cara yang dianggap memuaskan mengikut estetika, corak pemikiran dan emosi manusia yang juga boleh mencerminkan sesuatu budaya tertentu.

Menurut Nik Mustapha Nik Mohd Salleh (1998), secara formal muzik adalah sesuatu yang berentak, berirama dan berharmoni. Ia merangkumi segala aspek pengalaman manusia dan sering melampaui sempadan-sempadan yang menjadi umum sekarang dengan maksud adalah sebagai kegiatan yang menggunakan pelbagai alat bagi melahirkan ciptaan bunyi yang tersusun.